**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**
**BIL 1/2023**

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA KEPADA WARGANEGARA MALAYSIA (YANG BERMASTAUTIN DI BINTULU) BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA PELABUHAN BINTULU SEPERTI BERIKUT :-

| **1.0** | **(a)** | **JAWATAN** | **:** | **PEMBANTU OPERASI (KESELAMATAN), GRED N11** | |
|---|---|---|---|---|---|
| | (b) | Agensi | : | Lembaga Pelabuhan Bintulu | |
| | (c) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana | |
| | (d) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran dan Sokongan | |
| | (e) | Bilangan Kekosongan | : | **Satu (1)** | |
| | (f) | Penempatan | : | Lembaga Pelabuhan Bintulu | |
| 1.1 | Jadual Gaji Minimum-Maksimum | | : | **Gaji Minimum**<br>RM 1,216.00 | **Gaji Maksimum**<br>RM 2,983.00 |
| 1.2 | Syarat Lantikan | | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut: | |
| | | | | (a) warganegara Malaysia;<br><br>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br><br>(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannnya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11; RM1,216.00);atau<br>(ii) Pentafsiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannnya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]. (Gaji Permulaan ialah pada N11: RM1,262.15).<br>dan<br>(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:<br>(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;<br>(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;<br>(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di | |

**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**
**BIL 1/2023**

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA KEPADA WARGANEGARA MALAYSIA (YANG BERMASTAUTIN DI BINTULU) BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA PELABUHAN BINTULU SEPERTI BERIKUT :-

| **1.0** | **(a)** | **JAWATAN** | **:** | **PEMBANTU OPERASI (KESELAMATAN), GRED N11** |
|---|---|---|---|---|
| | | | | antara julat 19 hingga 26;<br>(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)<br>(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;<br>(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan<br>(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhimat oleh pengamal perubatan berdaftar. |
| 1.3 | Syarat Kelayakan Bahasa Melayu | | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 1.4 | Penetapan Gaji Permulaan | | : | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan. |
| 1.5 | Taraf Jawatan | | : | **KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)** |
| 1.6 | Tempoh Kontrak | | : | **Satu (1) tahun** |
| 1.7 | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |

**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**
**BIL 1/2023**

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA KEPADA WARGANEGARA MALAYSIA (YANG BERMASTAUTIN DI BINTULU) BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA PELABUHAN BINTULU SEPERTI BERIKUT :-

| **1.0** | **(a)** | **JAWATAN** | **:** | **PEMBANTU OPERASI (KESELAMATAN), GRED N11** |
|---|---|---|---|---|
| 1.8 | Skop Bidang Tugas | | : | (a) Membuat pemantauan dan pemeriksaan di kawasan pelabuhan, kawasan perumahan, pos-pos kawalan dan kawasan bangunan Lembaga Pelabuhan Bintulu; dan<br>(b) Memastikan kakitangan Pelabuhan, pihak operator dan orang awam mematuhi garis panduan atau tatacara keselamatan di premis pelabuhan dan perumahan pelabuhan. |

**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**
**BIL 1/2023**

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA KEPADA WARGANEGARA MALAYSIA (YANG BERMASTAUTIN DI BINTULU) BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA PELABUHAN BINTULU SEPERTI BERIKUT :-

**Cara Memohon:**

a. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan Borang Permohonan Jawatan LPB yang boleh dimuat-turun melalui laman web rasmi LPB http://www.bpa.gov.my atau dari pejabat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia , Aras 9 Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu. Penggunaan borang permohonan yang telah disalin semula (*photostate*) turut dibenarkan.

b. Pemohon hendaklah mencatitkan jawatan yang dipohon di sebelah sudut kanan sampul surat.

c. Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menyurat tidak akan dilayan.

d. Tarikh tutup permohonan adalah pada **28 Mac 2023, jam 5.00 petang**.

e. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

f. Tempoh sah laku permohonan adalah selama enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan.

g. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad. LPB tidak akan bertanggungjawab di atas segala perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.

h. Semua permohonan hendaklah dialamatkan dan dihantar kepada:
Pengurus Sumber Manusia
Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Menara Kidurong
Peti Surat 296, Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu Sarawak